JURNAL PENDIDIKAN BITARA UPSI
Vol. 16 No.2 (2023) / eISSN 2821-3173 (42-58)

# PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN

*Multicultural Education among primary school teachers in Negeri Sembilan*

Suzana Muhamad Pilus, Norwaliza Abdul Wahab, Abdul Talib Mohamed Hashim & Mohd Nazir Mohd Zabit*

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

**Corresponding author: mohd.nazir@fpm.upsi.edu.my*

**Published:** 20 December 2023

**To cite this article (APA):** Muhamad Pilus, S., Abdul Wahab, N., Mohamed Hashim, A. T., & Mohd Zabit, M. N. (2023). Pendidikan Multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 16*(2), 42–58. https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.6.2023

**To link to this article:** https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.6.2023

## ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian ini berdasarkan pendekatan penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah survei. Kajian survei ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi iaitu Borang Soal Selidik Kajian Pendidikan Multibudaya sebagai instrumen utama bagi mengumpul data berkaitan kajian ini. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan di mana 927 orang guru sekolah kebangsaan daripada 103 buah sekolah di seluruh daerah di Negeri Sembilan telah dipilih sebagai responden. Indek kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi soal selidik bagi mengukur semua aspek dalam kajian ini adalah antara 0.742 hingga 0.934. Pengumpulan data kajian ini dilakukan dengan menggunakan aplikasi google form. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi, iaitu MANOVA Satu-Hala dan Regresi Berganda digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kajian ini mendapati tahap pelaksanaan guru berkaitan Pendidikan Multibudaya adalah pada tahap sederhana (min=4.148; s.p.=0.520). Adalah didadapti juga bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru di mana nilai Wilks' $\lambda = 0.975$, $F(5, 921) = 4.761$ dan $p=0.001$ ($p<0.05$). Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya di sekolah boleh membina sikap tolak ansur serta solidariti dalam kalangan pelajar yang mempunyai pelbagai kepercayaan, status sosial, kumpulan etnik dan tahap kecerdasan.

**Kata kunci:** Multibudaya, guru, sekolah rendah

## *ABSTRACT*

*The objective of this study is to see the level of implementation of multicultural education among primary school teachers in Negeri Sembilan. The design of this study is based on a quantitative research approach using survey methods. This survey study uses a questionnaire that has been adapted which is the Multicultural Education Study Questionnaire Form as the main instrument for data collection related to this study. A stratified random sampling method was used where 927 national schoolteachers from 103 schools in all districts in Negeri Sembilan were selected as respondents. Cronbach's Alpha reliability index for the questionnaire to measure all aspects in this study is between 0.742 to 0.934. Data collection for this study was done using the google form application. The data of this study was analyzed using SPSS software version 26.0. Two types of statistics are used, namely*

*descriptive statistics and inferential statistics. Descriptive statistics ie frequency, percentage, mean and standard deviation are used to describe the profile of the respondents and answer the research questions. Inferential statistics, namely One-Way MANOVA and Multiple Regression were used to test the research hypothesis. This study found that the implementation level of teachers related to Multicultural Education is at a moderate level (mean=4.148; s.p.=0.520). It is also adapted that there is a significant difference in the implementation level of multicultural education from the aspects of content integration, knowledge building, fair pedagogy, reduction of prejudice and empowerment of school culture and social structure based on gender where the value of Wilks' λ = 0.975, F (5, 921) = 4.761 and p=0.001 (p<0.05). The implementation of Multicultural Education in schools can build an attitude of tolerance and solidarity among students who have various beliefs, social status, ethnic groups and intelligence levels.*

**Keywords:** *Multicultural Education, teacher, primary school*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan agama. Tiga kaum terbesar adalah Melayu, Cina dan India diikuti oleh etnik minoriti termasuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Orang Asal di Malaysia Timur iaitu Iban, Melanau, Kadazan dan lain-lain (JZ Nun Ramlan & Maarof, 2014). Kerajaan Malaysia sangat berhati-hati dalam menangani isu-isu yang melibatkan antara kaum bagi mengelakkan sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tragik dan keganasan (Awang-Shuib et al., 2017). Risiko atau sikap perkauman dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum adalah semakin membimbangkan. Berdasarkan laporan Berita Harian bertarikh 22 September 2018, Timbalan Menteri di Jabatan Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan menyedari aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkukuhkan. Perkara atau isu kecil boleh menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

Di sekolah, pelajar dilihat lebih selesa untuk berada bersama-sama dengan rakan-rakan mereka yang terdiri daripada kaum yang sama. Ini kerana pelajar-pelajar tersebut bersekolah di sekolah berbeza aliran iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) (Ahmad, 2014). Bahasa yang menjadi pilihan adalah bahasa ibunda etnik masing-masing (Vellymalay, 2014). Sehubungan itu, perpaduan kaum perlu dijadikan matlamat asas dalam mengurus negara (Abdullah et al., 2016). Kelebihan multietnik dan budaya yang ada ini juga perlu dimanfaatkan walaupun pada masa yang sama ianya adalah satu perkara yang sangat mencabar (Ahmad, 2014).

Berbeza dengan negara-negara seperti Indonesia dan Thailand melaksanakan konsep asimilasi sepenuhnya untuk membentuk sebuah identiti kebangsaan tunggal secara paksaan, namun Malaysia telah memilih jalan yang berbeza iaitu perpaduan dalam kepelbagaian dan keterangkuman (inklusif) dan pada masa yang sama, memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat (Ahmad, 2014). Ini adalah melalui konsep yang diperkukuhkan dalam perlembagaan yang membawa maksud bahawa masyarakat menerima kepelbagaian etnik, agama dan kepercayaan dengan ciri keterangkuman serta harus membina rasa saling hormat-menghormati dan saling menerima sebagai asas kepada kepercayaan dan kesepaduan yang kukuh.

Pelajar yang terdiri daripada berlainan budaya mempunyai cara tersendiri bagi menangani kefahaman mereka terhadap sesuatu isu dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Bennet et al., 2018). Mereka juga menghabiskan lebih satu per empat daripada masa di sekolah, maka di sinilah tempat yang paling sesuai untuk memupuk perpaduan. Melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan kaum, murid belajar memahami, menerima serta menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia (KPM, 2013).

Sesungguhnya, pendidikan adalah merupakan cara yang terbaik untuk mencapai kefahaman dan saling hormat-menghormati (O'Grady et al., 2011). Maka, peranan guru menjadi sangat besar kerana mereka adalah merupakan agen yang penting untuk berinteraksi bersama-sama dengan murid dan pelajar mempunyai latar belakang dari pelbagai budaya (Robson, 2019). Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dua pertiga daripada 410, 000 orang jumlah keseluruhan guru berada pada umur bawah 40 tahun (KPM, 2013). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ada

dinyatakan bahawa 60 peratus daripada guru ini akan mengajar dalam tempoh 20 tahun dan 40 peratus dalam tempoh 30 tahun (KPM, 2013). Justeru itu, kompetensi budaya dalam kalangan guru menjadi semakin penting sebagai sebahagian sistem penyampaian kurikulum pendidikan (Arruzza & Chau, 2021).

Selaras dengan perubahan tersebut maka adalah penting bagi kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Malaysia. Ini bertujuan untuk membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merangka program bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru terutamanya dari aspek multibudaya di Malaysia.

## PENYATAAN MASALAH

Tiga objektif Dasar Perpaduan Negara (Kementerian Perpaduan Negara [KPN], 2021) adalah yang pertama untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, kedua membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab dan ketiga melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan. Dalam Dasar Perpaduan Negara (KPN, 2021) ini dinyatakan 10 perkara yang dikategorikan sebagai isu di dalam defisit sosial termasuklah isu pendidikan iaitu ketidakseragaman aliran, kandungan dan penyampaian sistem pendidikan.

Bukan sahaja melalui Dasar Perpaduan Negara, kerajaan Malaysia juga mengambil kira agenda perpaduan yang perlu diperkukuhkan lagi dalam kalangan pelajar. Ini dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu di dalam salah satu daripada 5 Aspirasi Sistem seperti yang telah pun diterangkan oleh pengkaji sebelum ini. Keberadaaan murid di sekolah sekurang-kurangnya 8 jam sehari bersama-sama guru dan rakan-rakan, menjadikan sekolah sebagai satu medium yang sangat penting dalam memupuk perpaduan (Husin & Dawi, 2019). Melalui interaksi dengan individu-individu yang mempunyai jurang dari segi sosio-ekonomi, agama, dan latar belakang etnik, murid akan belajar untuk memahami, dan menerima dengan terbuka segala perbezaan (KPM, 2013).

Banyak usaha yang dilaksanakan dalam menyokong ke arah usaha mencapai matlamat perpaduan ini. Antara lain, Kementerian Pendidikan menyediakan program seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) namun ianya dilihat kurang berkesan kerana program-program yang melibatkan interaksi antara kaum dilihat semakin berkurangan. Kekangan untuk memperluaskan program ini adalah disebabkan oleh peruntukan dana oleh pihak kerajaan (Hussein & Abdullah, 2018).

Selain daripada itu, Sekolah Wawasan juga telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 1997. Sekolah Wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum dan agama. Matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi di antara murid yang berlainan etnik dan agama. Ia juga untuk melahirkan sifat tolenrasi dan persefahaman yang tinggi dan menggalakkan integrasi yang maksimum antara semua pelajar melalui perkongsian kemudahan sekolah dan perlaksanaan aktiviti. Sekolah ini tidak langsung mengubah sistem pembelajaran yang asal kerana tiap-tiap sekolah mempunyai nama yang tersendiri di samping urusan pentadbiran dan pengurusan kewangan yang dikendalikan oleh sekolah masing-masing. Selain itu mereka juga menggunakan kemudahan secara bersama-sama seperti kantin, lapangan perhimpunan, gelanggang permainan dan padang. Konsep sekolah Wawasan yang kini dipraktikkan adalah satu usaha untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang mempunyai semangat dan bersifat cintakan negara. Walau bagaimanapun, sekolah ini sangat terhad, iaitu ada sebanyak 5 kompleks seluruh Malaysia. Dua buah kompleks terletak di Perak, satu di Selangor, satu di Pulau Pinang dan satu lagi di Kedah. Bilangan ini dilihat tidak mewakili semua negeri yang terdapat di dalam Malaysia.

Usaha-usaha seperti yang dinyatakan di atas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, namun masih terdapat cabaran yang perlu untuk diatasi dalam melaksanakan agenda perpaduan negara ini. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), peratus penyertaan murid berbangsa Cina dan India di sekolah kebangsaan mencatatkan trend penurunan sepanjang tahun 2010 hingga 2020. Penyertaan kaum Melayu dilaporkan pada sekitar 93 peratus sehingga 94 peratus dan adalah merupakan kumpulan majoriti. Penyertaan murid berbangsa Cina menunjukkan trend penurunan dari 1.17 peratus pada tahun 2010 kepada 0.73 peratus pada tahun 2020. Manakala peratus penyertaan murid berbangsa India juga mencatatkan penurunan daripada 3.15 peratus kepada 2.63 peratus dalam tempoh yang sama.

Data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) turut menunjukkan trend yang sama iaitu berlakunya peningkatan penyertaan murid berbangsa Melayu di Sekolah Kebangsaan serta penurunan penyertaan kaum Cina dan India di sekolah tersebut sepanjang 2019 sehingga Julai 2022. Oleh itu, perpaduan dalam kalangan kumpulan etnik di Malaysia tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana sistem sekolah pelbagai aliran di negara ini menyebabkan ramai murid-murid dari pelbagai bangsa dan etnik tidak dapat belajar bersama-sama sambil memupuk perpaduan kaum. Persekitaran ini dikenali dengan persekitaran homogen (KPM, 2013).

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) melaporkan bahawa terdapat jurang pencapaian UPSR dalam kalangan pelajar-pelajar yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Data Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menunjukkan pencapaian minimum kompetensi dalam UPSR 2019 hanya pada 70.03 peratus berbanding SK (74.46 peratus) dan SJKC (70.39 peratus). Kajian Yong et al. (2018) terhadap keciciran murid sekolah di Malaysi berpunca daripada pengetahuan guru yang kurang terhadap kepelbagaian latar belakang pelajar mereka. Apabila ini berlaku murid menjadi tidak berminat terhadap subjek yang cuba disampaikan oleh guru dalam bilik darjah. Kesannya sudah tentulah kepada pencapaian akademik pelajar tersebut.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, maka pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan keharmonian dengan menyantuni multibudaya murid. Memandangkan murid-murid sekolah rendah merupakan medium yang terbaik bagi memupuk kesedaran tersebut, maka pelbagai langkah perlu diambil dengan memikirkan kaedah atau program yang tidak memerlukan perbelanjaan yang terlalu besar tetapi berkesan bagi menangani isu ini. Justeru itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan guru terhadap multibudaya di sekolah rendah. Seterusnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk menggubal kurikulum dengan memikirkan kaedah yang perlu diambil untuk mengatasi isu ini nanti.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

i. mengenal pasti tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.
ii. mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai insgtrumen utama bagi mengumpul data atau maklumat berkaitan dengan pengetahuan pendidikan multibudaya, pelaksanaan pendidikan multibudaya dan kepentingan pendidikan multibudaya daripada perspektif guru sekolah rendah.

Kajian ini membataskan kepada guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan yang mempunyai pelajar-pelajar terdiri daripada tiga kaum yang utama (Melayu, Cina dan India) di Negeri Sembilan sahaja. Guru-guru yang terlibat adalah guru-guru yang mengajar Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6). Mereka dipilih sebagai peserta kajian kerana mempunyai keupayaan untuk mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Sampel kajian adalah diambil daripada bilangan sekolah-sekolah kebangsaan harian biasa di dalam Negeri Sembilan yang mempunyai latar belakang yang berlainan dan dikawal selia oleh Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh kerana bilangan sampel berbeza-beza mengikut daerah di dalam negeri maka kaedah persampelan berstrata amat sesuai digunakan. (Creswell, 2014). Responden kajian ini terdiri daripada 927 orang guru sekolah kebangsaan daripada 103 buah sekolah di seluruh daerah di Negeri Sembilan dimana seramai 9 orang responden mewakili setiap sekolah iaitu 3 orang guru yang mengajar Tahun 4, 3 orang mengajar tahun 5 dan 3 orang mengajar di tahun 6.

Kajian ini menggunkan soal selidik sebagai instrument utama bagi pengumpulan data untuk menjawab persoalan kajian. Soal selidik kajian ini adalah adaptasi daripada instrumen yang dibangunkan oleh Gates (2006). Soal selidik yang dibina diuji kesahannya melalui kesahan muka (face validity) dan kesahan kandungan (content validity). Kajian rintis dijalankan ke atas 59 orang guru bagi menguji kebolehtadbiran soal selidik dan juga bagi mendapatkan kesahan dan indek kebolehpercayaan soal selidik. Indek kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi soal selidik bagi mengukur semua aspek dalam kajian ini adalah antara 0.742 hingga 0.934. Indek kebolehpercayaan Alpha Cronbach ini adalah tinggi. Berdasarkan kepada pandangan Mohd. Majid (1990) dan Sekaran (1992), maka indeks kebolehpercayaan item bagi soal selidik ini adalah boleh diterima pakai dan tinggi. Oleh kerana masalah pandemik Covid 19 yang melanda negara, maka pengumpulan data kajian ini dilakukan dengan menggunakan aplikasi google form.

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden dan menjawap persoalan persoalan kajian. Statistik inferensi, iaitu MANOVA Satu-Hala digunakan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru.

## DAPATAN KAJIAN

Tahap pelaksanaan guru berkaitan pendidikan multibudaya mencakupi lima aspek iaitu aspek pelaksanaan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudia dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial. Hasil analisis deskriptif tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya

| Bil | Aspek Pelaksanaan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya | Mean | S.D | Level |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pelaksanaan Berkaitan Integrasi Isi Kandungan. | 3.955 | 0.545 | Sederhana |
| 2. | Pelaksanaan Berkaitan Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya. | 4.063 | 0.609 | Sederhana |
| 3. | Pelaksanaan Berkaitan Pedagogi Saksama Dalam Konteks Pendidikan Multibudaya. | 4.101 | 0.621 | Sederhana |
| 4. | Pelaksanaan Berkaitan Pengurangan Prejudis. | 4.236 | 0.635 | Sederhana |
| 5. | Pelaksanaan Berkaitan Pemerkasaan Budaya Sekolah Dan Struktur Sosial. | 4.385 | 0.604 | Tinggi |
| **PELAKSANAAN GURU BERKAITAN PENDIDIKAN MULTIBUDAYA SECARA KESELURUHAN** | | 4.148 | 0.520 | **SEDERHANA** |

Berdasarkan Jadual 1, pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah rendah di Negeri Sembilan secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana (min=4.148; s.p.=0.490). Analisis secara terperinci bagi setiap aspek dalam pelaksanaan pendidikan multibudaya menunjukkan bahawa pelaksanaan berkaitan integrasi isi kandungan, pelaksanaan berkaitan pembinaan ilmu pengetahuan multibudaya, pelaksanaan berkaitan pedagogi saksama dan pelaksanaan berkaitan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya adalah pada tahap sederhana sahaja. Namun demikian pelaksanaan berkaitan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial adalah pada tahap yang tinggi.

Pelaksanaan pendidikan multibudaya melibatkan lima aspek iaitu aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial. Perbandingan kelima-lima aspek atau pembolehubah tersebut berdasarkan jantina guru dibuat dengan menggunakan ujian MANOVA Satu-Hala bagi menguji hipotesis nol yang berikut;

**Ho:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru.

Sebelum analisis MANOVA Satu-Hala dijalankan, penyelidik terlebih dahulu memasti dan mengesahkan sama ada terdapat multivariate outliers pada data berdasarkan nilai Mahalanobis Distances. Nilai Mahalanobis Distances maksimum yang diperoleh ialah 19.32. Menurut Pallant (2020), nilai Mahalanobis Distances maksimum bagi lima pembolehubah bebas mestilah tidak melebihi 20.52. Justeru, tiada terdapat responden adalah tergolong dalam multivariate outliers.

Penyelidik juga terlebih dahulu menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (homogeneity of the variance-covariance matrics) menggunakan ujian Box's M (Box's M test). Ujian Box's M ini penting bagi menentukan sama ada varian-kovarian dalam kalangan pembolehubah bersandar adalah sama atau sebaliknya, merentasi semua pembolehubah bebas. Ini merupakan pra-syarat penting bagi ujian MANOVA. Jadual 2 menunjukkan hasil ujian Box's M.

**Jadual 2** Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina

| Box's M | Nilai-F | df1 | df2 | Sig. |
|---|---|---|---|---|
| 61.888 | 4.100 | 15 | 2191373.685 | 0.000 |

Berdasarkan Jadual 4.20 didapati terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas (F=4.100, p=0.000). Dalam hal ini, Stevens (1986) menegaskan, walaupun matrik kehomogenan varian-kovarian (Ujian Box's M) adalah signifikan, ia tidak menjadi masalah bagi ujian MANOVA sekiranya saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar/sampel terkecil <1.5) kerana kesan kesilapan jenis I (type I error) adalah sangat kecil. Dalam kajian ini, bilangan sampel adalah besar dan hampir sama, oleh itu pengujian hipotesis di atas boleh dilakukan menggunakan ujian MANOVA (Pallant, 2020). Hasil analisis MANOVA Satu-Hala adalah seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Analisis MANOVA Sehala Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru

| Kesan | Nilai Wilks' Lambda | Nilai F | DK Antara Kumpulan | DK Dalam Kumpulan | Sig |
|---|---|---|---|---|---|
| Jantina Guru | 0.975 | 4.761 | 5 | 921 | 0.001 |

Berdasarkan Jadual 3, didapati bagi perbandingan skor min pelaksanaan pendidikan multibudaya yang mencakupi aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru, nilai Wilks' $\lambda = 0.975$, $F(5, 921) = 4.761$ dan $p=0.001$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan hipotesis nol (Ho) di tolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina.

Seterusnya analisis ANOVA berganda (multiple ANOVAs) dilakukan bagi melihat perbezaan skor min untuk setiap pembolehubah bersandar iaitu pelaksanaan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru sebagai lanjutan daripada analisis MANOVA Satu-Hala. Jadual 4 dan 5, menunjukkan hasil analisis ANOVA bagi perbezaan skor min setiap pembolehubah bersandar iaitu pelaksanaan isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial guru berdasarkan jantina guru.

**Jadual 4** Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru

| Aspek Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya | Jantina | Min | Sisihan Piawai | N |
|---|---|---|---|---|
| 1. Pelaksanaan Integrasi Isi Kandungan | Lelaki | 3.951 | 0.586 | 350 |
| | Perempuan | 3.958 | 0.520 | 577 |
| | Jumlah | 3.955 | 0.545 | 927 |
| 2. Pelaksanaan Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya | Lelaki | 4.028 | 0.696 | 350 |
| | Perempuan | 4.084 | 0.550 | 577 |
| | Jumlah | 4.063 | 0.609 | 927 |
| 3. Pelaksanaan Pedagogi Saksama Dalam Konteks Pendidikan Multibudaya | Lelaki | 4.050 | 0.689 | 350 |
| | Perempuan | 4.133 | 0.575 | 577 |
| | Jumlah | 4.101 | 0.621 | 927 |
| | Lelaki | 4.145 | 0.694 | 350 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Pelaksanaan Pengurangan Prejudis | Perempuan | 4.290 | 0.590 | 577 |
| | | Jumlah | 4.236 | 0.635 | 927 |
| 5. | Pelaksanaan Pemerkasaan Budaya Sekolah Dan Struktur Sosial | Lelaki | 4.368 | 0.680 | 350 |
| | | Perempuan | 4.396 | 0.554 | 577 |
| | | Jumlah | 4.385 | 0.604 | 927 |

**Jadual 5** Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru

| **Pembolehubah Bersandar** | **Kesan Utama** | **J.K.D.** | **D.K.** | **M.K.D** | **Nilai-F** | **Sig.** | ***Eta Square*** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pelaksanaan Integrasi Isi Kandungan | Jantina<br>Ralat<br>Jumlah | 0.009<br>275.968<br>275.977 | 1<br>925<br>926 | 0.009<br>0.298 | 0.031 | 0.860 | 0.000 |
| Pelaksanaan Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya | Jantina<br>Ralat<br>Jumlah | 0.692<br>343.803<br>344.495 | 1<br>925<br>026 | 0.692<br>0.372 | 1.861 | 0.173 | 0.002 |
| Pelaksanaan Pedagogi Saksama Dalam Konteks Pendidikan Multibudaya | Jantina<br>Ralat<br>Jumlah | 1.501<br>356.729<br>358.230 | 1<br>925<br>926 | 1.501<br>0.386 | 3.893 | 0.049 | 0.004 |
| Pelaksanaan Pengurangan Prejudis | Jantina<br>Ralat<br>Jumlah | 4.581<br>368.861<br>373.443 | 1<br>926<br>926 | 4.581<br>0.399 | 11.488 | **0.001*** | 0.012 |
| Pelaksanaan Pemerkasaan Budaya Sekolah Dan Struktur Sosial | Jantina<br>Ralat<br>Jumlah | 0.164<br>338.590<br>338.754 | 1<br>926 | 0.164<br>0.366 | 0.448 | 0.503 | 0.000 |

Berdasarkan Jadual 4.23, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pelaksanaan integrasi isi kandungan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan ($F_{(1, 925)}$ =0.031, p=0.860; p>0.025) berdasarkan jantina guru. Ini bermakna pelaksanaan integrasi isi kandungan dalam kalangan guru lelaki (min=3.951) dan guru perempuan (min=3.958) di sekolah kebangsaan adalah pada tahap yang sama iaitu tahap sederhana.

Dari segi pelaksanaan pembinaan ilmu pengetahuan multibudaya dalam kalangan guru, juga didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pelaksanaan pembinaan ilmu pengetahuan multibudaya dalam kalangan guru ($F_{(1, 925)}$ =1.861, p=0.173; p>0.025) berdasarkan jantina guru. Ini bermakna pelaksanaan pembinaan ilmu pengetahuan multibudaya dalam kalangan guru lelaki (min=4.028) dan guru perempuan (min=4.084) di sekolah kebangsaan adalah pada tahap yang sama iaitu tahap sederhana.

Dari segi pelaksanaan pedagogi saksama dalam konteks pendidikan multibudaya, juga didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pelaksanaan pedagogi saksama dalam konteks pendidikan multibudaya ($F_{(1, 925)}$ =3.893, p=0.049; p>0.025) berdasarkan jantina guru. Ini bermakna pelaksanaan pedagogi saksama dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru lelaki(min=4.050) dan guru perempuan (min=4.133) di sekolah kebangsaan adalah pada tahap yang sama iaitu tahap sederhana.

Sementara, dari segi pelaksanaan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya, juga didapati terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya (F (1, 925) =11.488, p=0.001; p<0.025) berdasarkan jantina guru.

Guru perempuan mempunyai tahap pelaksanaan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya (min=4.290) lebih tinggi berbanding dengan guru lelaki (min=4.145). Walau bagaimanapun pengaruh jantina terhadap varians pelaksanaan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru kecil (Eta Square=0.012).

Dari segi pelaksanaan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya, pula didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi segi pelaksanaan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya (F (1, 925) =0.448, p=0.503; p>0.025) berdasarkan jantina guru. Ini bermakna pelaksanaan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru lelaki (min=4.368) dan guru perempuan (min=4.396) di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan adalah pada tahap yang sama iaitu tahap tinggi.

## PERBINCANGAN

Ramai ahli pendidik percaya bahawa integrasi isi kandungan itu sendiri adalah merupakan pendidikan multibudaya, justeru Banks dan Banks (2019) dalam kajian mereka mendapati bahawa guru-guru matematik dan sains menganggap bahawa mereka tidak terlibat dengan pengajaran pelbagai budaya. Bagi mereka pendekatan ini hanya direka untuk guru-guru yang mengajar seni bahasa dan sosial sahaja. Walau bagaimanapun, sebahagian mata pelajaran dilihat mempunyai peluang lebih besar bagi menerapkan kaeadah ini berbanding yang lain, namun setiap mata pelajaran dan disiplin mempunyai bahagian yang tertentu untuk menggabungkan kandungan budaya dan etnik ke dalamnya. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Barry (2013) terhadap guru-guru terlatih bagi matapelajaran Sains dan mereka menyatakan bahawa amat mudah menggabungkan perkaitan isi kandungan pengajaran struktur badan manusia dengan bercerita tentang seni Greek dan Itali.

Sesungguhnya, kewujudan peluang untuk kandungan integrasi etnik dan budaya adalah berbeza-berbeza mengikut setiap subjek. Menurut Omar et al. (2015), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu subjek itu merangkumi beberapa perkara seperti motivasi, keperluan dan minat pelajar, tujuan pembelajaran, mengetahui tahap kematangan pelajar, memahami perbezaan individu, memerhati kefahaman, integrasi antara pengetahuan sedia ada dengan keaslian dan menjadikan proses pendidikan sebagai pengalaman yang menggembirakan pelajar. Peluang tersebut juga sentiasa ada bagi guru untuk menggunakan kandungan bagi meggambarkan konsep, tema dan prinsip dalam kajian sosial, seni bahasa dan seni muzik. Walaupun isi kandungan selalu disalah ertikan oleh pengamal sekolah sebagai tidak sesuai untuk mata pelajaran Matematik dan Sains, ia sebenarnya mencakupi bagi Pendidikan Multibudaya (Banks & Banks, 2019). Cara guru dan murid memberi pandangan serta berinteraksi juga membantu mereka bukan sahaja menggunakan pengetahuan yang dihasilkan oleh orang lain tetapi mampu menghasilkan pengetahuan mereka sendiri (Maulod et al., 2017).

Dari aspek pembinaan ilmu pengetahuan pula, apabila dilaksanakan dalam bilik darjah, guru perlu membantu mereka untuk memahami bagaimana ilmu pengetahuan itu dicipta dan bagaimana ia dipengaruhi oleh bangsa, etnik dan kedudukan kelas sosial seseorang indidvidu atau kumpulan (Nigutova, 2018). Menurut Code (1991), faktor-faktor personal, budaya dan sosial mempengaruhi formulasi ilmu pengetahuan walaupun objektif ilmu pengetahuan itu ideal. Malah, Banks dan Banks (2019), menyatakakan dalam kajiannya terdapat di kalangan penyelidik sendiri tidak menyedari bahawa pengalaman peribadi dan kedudukan mereka dalam masyarakat mempengaruhi ilmu pengetahuan yang mereka hasilkan. Beliau memberi contoh bagaimana ahli-ahli sejarah Amerika Syarikat bersikap bias terhadap tafsiran yang mereka lakukan dengan menjadikan budaya dan rantau mereka sebagai panduan. Oleh itu, wajarlah untuk guru membantu murid memahami apa sahaja bentuk ilmu pengetahuan yang mereka dapati seterusnya dianalisa secara kritikal dan dipersoalkan terlebih dahulu.

Gates (2006) pula menjelaskan bahawa dalam melaksanakan pedagogi saksama, guru mengamalkan pengajaran responsif budaya iaitu dengan menggunakan bahan-bahan dan latihan-latihan instruksional dengan menggabungkan aspek-aspek penting yang terdapat dalam keluarga dan budaya komuniti pelajar mereka. Guru responsif budaya juga menggunakan "pengetahuan budaya, pengalaman sedia ada, kerangka rujukan dan gaya persembahan pelajar-pelajar pelbagai etnik akan menjadikan pembelajaran relevan dan berkesan (Gay, 2018). Maka di sinilah terletaknya kebijaksanaan guru membantu pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan idea baharu mereka untuk

dipelajari. Pedagogi multibudaya ini juga perlu bersifat inklusif supaya ia boleh digunakan oleh pelbagai bangsa.

Salah satu daripada matlamat pendidikan multibudaya adalah mengurangkan prejudis dan memperbaiki hubungan antara bangsa, etnik, agama, budaya dan kumpulan (Banks & Banks, 2019). Stephan dan Vogt (2004) menegaskan bahawa memperbaiki perhubungan ini adalah satu tugasan yang dianggap menakutkan kerana elemen-elemen negatif telah berakar umbi dalam sejarah setiap masyarakat dan jika dibiarkan berterusan tanpa sebarang intervensi, ia akan berterusan dari generasi ke generasi. Ciri-ciri prejudis ini boleh didapati berdasarkan kumpulan, bangsa, etnik, asal, jantina, umur, kelas sosial, kasta, status kecacatan, orientasi seksual, agama, bahasa dan rantau malahan kuasa sosial. Sejarah atau perbezaan fizikal juga kadang kala berpotensi untuk prejudis itu wujud (Nelson, 2016). Justeru, Gates (2006) menegaskan bahawa pengurangan prejudis boleh dilkakukan iaitu dengan mengenalpasti serta membetulkan amalan pendidikan, polisi dan prosedur yang boleh menimbulkan rasa perbezaan antara pelajar yang berbeza identiti kaum dan etnik.

Pekasanaan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial pula melibatkan penstrukturan budaya dan organisasi sekolah supaya pelajar yang terdiri daripada multibudaya, etnik, sosio-ekonomi dan bahasa menerima kesaksamaan (Banks & Banks, 2019). Semua kakitangan sekolah memeriksa dan mengubah struktur budaya dan sosial yang tedapat di sekolah mereka (Gates, 2006). Amalan-amalan berkumpulan dan melabel, penglibatan pelajar dalam sukan, pencapaian yang tidak seimbang, kadar enrolmen yang berbeza di dalam program pendidikan yang istimewa, interaksi antara staf dengan pelajar merentasi etnik dan bangsa adalah variabel yang sangat penting untuk diperiksa dan dibentuk semula (Banks & Banks, 2019). Struktur pemerkasaan sekolah memerlukan pembentukan perbezaan hubungan yang berkualiti antara pelbagai kumpulan dalam sekolah. Hubungan adalah berdasarkan kebersamaan dan saling hormat menghormati terhadap perbezaan budaya yang boleh dilihat melalui matlamat peluasan sekolah, norma dan amalan budaya. Sturktur pemerkasaan sekolah juga memudahkan amalan pendidikan multibudaya dengan menyediakan guru peluang-peluang merancang dan melaksanakan arahan secara kolektif. Guru juga boleh mencipta struktur demokratik yang memberi guru, ibu bapa, kakitangan sekolah berkongsi tanggungjawab terhadap pentadbiran sekolah (Banks & Banks, 2019).

Untuk pemerkasaan ini, sekolah harus dilihat sebagai satu sistem sosial, malahan lebih besar lagi daripada apa yang kita dapat lihat yang akhirnya nanti menjadi satu institusi dengan struktur sosial yang saling berkaitan dari segi status, peranan, serta corak interaksi (Banks & Banks, 2019). Budaya sekolah adalah antara faktor penting yang membawa impak kepada pelajar. Dalam abad ke-21, guru terlalu menumpukan atau memberi fokus terhadap pembelajaran kolaboratif. Oleh itu, sekolah perlu membudayakan guru mereka untuk mempunyai pengetahuan menggabungkan multietnik ke dalam amalan-amalan sosial bagi mencapai keseimbangan dalam kepelbagaian serta perpaduan secara halus. Menurut Zirkel (2008), iklim perkauman serta sikap prejudis perlu ditukarkan kepada sesuatu yanag positif kerana ia merupakan aspek penting dalam amalan pendidikan multibudaya. Terdapat beberapa perkara yang membantu meningkatkan pencapaian sekolah dalam pemerkasaan budaya sekolah. Menurut Haycock (2001), kepatuhan kepada standard negeri, kurikulum yang mencabar, pertolongan tambahan kepada pelajar, guru yang cemerlang, dan fokus berterusan terhadap teras akademik adalah merupakan resepi kejayaan. Bagi murid pula, mereka perlu dibekalkan dengan peluang-peluang melalui bantuan tambahan oleh pihak sekolah di dalam mencapai standard yang tinggi dan semua guru haruslah bersifat cemerlang serta memberikan sepenuh komitmen di dalam menghasilkan akademik yang cemerlang kepada pelajar.

Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya di sekolah boleh membina sikap tolak ansur serta solidariti dalam kalangan pelajar yang mempunyai pelbagai kepercayaan, status sosial, kumpulan etnik dan tahap kecerdasan (Barsihanor et.al.,2021). Selain daripada itu, Pendidikan Multibudaya ini adalah merupakan satu usaha yang sistematik dalam membina kefahaman pelajar terhadap realiti masyarakat majmuk (Sulistiyo & Indartono, 2019). Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya juga perlu dilaksanakan di peringkat awal kanak-kanak kerana mereka perlu dilengkapkan dengan sikap toleransi seawal yang mungkin (Suri & Chandra, 2021).

## IMPLIKASI KAJIAN

Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya di sekolah boleh membina sikap tolak ansur serta solidariti dalam kalangan pelajar yang mempunyai pelbagai kepercayaan, status sosial, kumpulan etnik dan tahap kecerdasan (Barsihanor et.al.,2021). Selain daripada itu, Pendidikan Multibudaya ini adalah merupakan satu usaha yang sistematik dalam membina kefahaman pelajar terhadap realiti masyarakat majmuk (Sulistiyo & Indartono, 2019). Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya juga perlu dilaksanakan di peringkat awal kanak-kanak kerana mereka perlu dilengkapkan dengan sikap toleransi seawal yang mungkin (Suri & Chandra, 2021).

## KESIMPULAN

Hasil kajian telah mendedahkan bahawa guru masih memerlukan lagi pengetahuan yang terhadap pendidikan multibudaya. Ini berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru berkaitan pendidikan multibudaya secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Ia juga merupakan faktor utama dan tertinggi yang mempengaruhi pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah dan sumbangannya sangat besar. Oleh itu, adalah berguna untuk menyediakan guru dengan latihan dalam perkhidmatan mengenai pendidikan multibudaya. Dengan cara ini, guru akan mempunyai pengetahuan penuh tentang pendidikan multibudaya dan mengatur persekitaran pengajaran-pembelajaran bergantung kepada pendidikan multibudaya.

Adalah dicadangkan agar pihak yang terlibat dalam latihan dalam perkhidmatan samada di peringkat KPM atau pun Jabatan Pendidikan Negeri dapat merancang dan melaksanakan latihan berkaitan pendidikan multibudaya kepada guru-guru yang sedang berkhidmat. Pihak Institut Pendidikan Guru (IPG), dan Fakulti Pendidikan, Universiti Awam juga dicadangkan agar memasukkan elemen atau subjek pendidikan multibudaya dalam kurikulum latihan perguruan bagi guru-guru sekolah rendah.

## RUJUKAN

Abdullah, A., Ismail, M.M., & Mansor, M.N. (2016). Ekelektisme dalam memahami kepelbagaian dan etnisiti di tempat kerja. Research Journal of Social Sciences, 9(3), 45-51. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/54134.

Abrams, D. (2010). Processes of prejudice: Theory, evidence and intervention. Equality and Human Rights Commission.

Adom, D., Joe, A-A., & Hussein, E. K. (2018). Theoretical and conceptual framework: Mandatory ingredients of quality research. International Journal of Scientific Research, 7, 438-441.https://www.researchgate.net/publication/322204158_ THEORETICAL_AND_CONCEPTUAL_FRAMEWORK_MANDATORY_INGREDIENTS_OF_A_ QUALITY_RESEARCH.

Ahmad, Y. (2014). Sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia (No. penerbitan 30406). [Disertasi kedoktoran, Universiti Sains Malaysia]. Open Access Repository of USM Research & Publication.

Ahmad, Y., & Yusof, N.M. (2016). Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Jurnal Pendidikan Malaysia, 41 (1). 71-78. http://ejournal.ukm.my/jpend/issue/view/ 800.

Akar, C. & Ulu, M. (2016). Attitudes and opinions of classroom teacher candidates regarding multiculturalism. (EJ121549). ERIC. Education, 137(2), 220-232. https://eric.ed.gov/? id=EJ1121549.

Akhtar, M.I. (2016). Research design. In Research in social science: Interdisciplinary perspectives (1st ed., pp. 68-84). Social Research Foundation.

Alismail, H.A. (2016). Multicultural education: Teacher's perception and preparation (EJ1099450). ERIC. Journal of Educational and Practice, 7(11), 139-146. https://eric.ed.gov/?id=EJ1099450.

Allport, G. W. (1954). The nature of prejudice. Addison-Wesley.

Alsubaie, M.A. (2015). Gender, literacy, and elementary school students with reading centers. Global Journal of Human-Social Science: A Arts & Humanities-Psychology, 15(10), 1-32. https://socialscienceresearch.org/index.php/GJHSS/ article/view/1610.

Anastasi, A., & Urbina, S. (1997). Psychological testing (7th ed.). Prentice Hall/Pearson Education.

Apte, M. (1994). Language in sociocultural context. In: R. E. Asher (Ed.), The encyclopedia of language and linguistics Volume 4 (pp. 2000-2010). Pergamon Press.

Arruzza, E., & Chau, M. (2021). The effectiveness of cultural competence education in enhancing knowledge acquisition, performance, attitudes, and student satisfaction among undergraduate health science students: A scoping review. Journal of Educational Evaluation for Health Professions, 18:3. https://doi.org/10.3352/jeehp.2021.18.3.

Aslan, S. (2019). How is multicultural education perceived in elementary schools in Turkey? A case study. European Journal of Educational Research, 8(1), 233-247. http://dx.doi.org/10.12973/eu-jer.8.1.233.

Aspensen, C. (2015). The limitation of critical race theory in American studies: Individual identity v. group culture. [Doctoral dissertation, Montana State University]. Academia.edu.

Auzina, A. (2018). Teacher competences for facing challenges of globalisation in education. Journal of Education Culture and Society, 2, 24-37. doi: 10.15503/jecs20182.24.37.

Awang-Shuib, A.R., Sahari, S.H., & Ali, A.J. (2017). Multicultural awareness and urban communities: Validating a multicultural awareness scale. Journal of ASIAN Behavioural Studies, 2(5), 45-55. https://doi.org/10.21834/jabs.v2i5.218.

Ayas, H.M. (2006). Assessing intercultural sensitivity of third-year medical students at the George Washington University (Publication No. 3237032). [Doctoral dissertation, The George Washington University]. ProQuest Dissertation Publishing.

Baba, A. (1997). Statistik untuk penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Babbie, E.R. (2014). The basic of social research (6th ed.). Cengage Learning.

Bahari, K.A., Suhaili, S., Jamaluddin, N., Umar, K., & Zakaria, Z. (2019). Ethnic acceptance issues amongst Sabah and Sarawak ethnic groups at Sultan Idris Education University. International Journal of Recent Technology and Engineering, 8(2S2), 411-418.10.35940/ijrte.B1066.0782S219.

Baharuddin, S.A. (2009). Hubungan etnik di Malaysia: Mencari dan mengekal kejernihan dalam kekeruhan. Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Banks, J.A., & Banks, C.A.M. (2019). Multicultural education: Issues and perspectives (10th ed.). John Wiley & Sons, Inc.

Barajas, M.S. (2015). Pedagogical approaches to multicultural education within teacher preparation programs (Publication No. 733). [Doctoral dissertation, Western Michigan University]. ScholarWorks at WMU.

Barber, S. (2013). The influence of culture and identity on second language acquisition: A perspective from Egypt (Publication No. 1413) [Master thesis, The American University in Cairo]. AUC Knowledge Fountain. https://fount.aucegypt.edu/etds/1413/.

Barry, A.L. (2013). Content integration through the eyes of novice and experienced teachers. Teacher Education Quarterly, 40(3), 93-106. https://www.jstor.org/stable/43684704.

Barsihanor, Hafiz, A., Ansari, M.I., Rofam, G.N.K.M., Liani, S., & Shalahudin. (2021). Implementation of multicultural education in growing tolerance between students in state elementary school 2 Komet Banjarbaru. Elementary Islamic Teacher Journal, 9, 1-14. DOI: 10.21043/elementary.v9i1.9709.

Bartolo, P. A., Kyriazopoulou, M., Björck-Åkesson, E., & Giné, C. (2021). An adapted ecosystem model for inclusive early childhood education: a qualitative cross European study. International Journal of School & Educational Psychology, 9(1), 3-15. https://doi.org/10.1080/21683603.2019.1637311.

Bassey, M. O. (2016). Culturally responsive teaching: Implications for educational justice. Education Sciences, 6(4), 35. https://doi.org/10.3390/educsci6040035.

Benet-Martínez, V. (2012). Multiculturalism: Cultural, social, and personality processes. In K. Deaux & M. Snyder (Eds.), The Oxford handbook of personality and social psychology (pp. 623–648). Oxford University Press.

Bennet, S.V., Gunn, A.A., Evans, G.G., Barrera, E.S., & Leung, C.B. (2018). Culturally responsive literacy practices in early childhood community. Early Childhood Education Journal, 46, 241-248. https://doi.org/10.1007/s10643-017-0839-9.

Berry, J.W., & Ward, C. (2018). Multiculturalism. In Sam, D.L., & Berry, J.W. (Eds.), The Cambridge handbook of acculturation psychology (2nd ed., pp.441-463). Cambridge University Press.

Béteille, T. & Evans, D.K. (2019). Successful teachers, successful students: Recruiting and supporting society’s most crucial profession. World Bank Group.

Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). Research methods for business-A skill building approach (8th ed.).

Brolund, L. (2016). Student success through instructional leadership (EJ1230490). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=EJ1230490.

Burton, L.A. (2013). Mother tongue-based multilingual education in the Philippines: Studying top-down policy implementation from the bottom up (Publication No. 9497). [Doctoral dissertation, University of Minnesota]. University Digital Conservancy, University of Minnesota.

Butler, S. K. (2004). Multicultural sensitivity and competence in the clinical supervision of school counselors and school psychologists: A context for providing competent services in a multicultural society. The Clinical Supervisor, 22(1), 125-141. http://dx.doi.org/10.1300/J001v22n01_09.

Byram, M. (1997). Teaching and assessing intercultural communicative competence. Multilingual Matters.

Cardenas, M.A.S. (2019). Ethnic and cultural homogeneity: An obstacle for development? ResearchGate. http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.15506.68807.

Carroll, D.W. (2008). Toward multiculturalism competence: A practical model for implementation in the schools. In Jones, J.M. (Ed.), The psychology of multiculturalism in the schools: A primer for practice, training, and research (pp. 1-16). National Association of School Psychologists.

Chebankova, E. (2013). Contemporary Russian multiculturalism. Post-Soviet Affairs, 28(3), 319-345. http://dx.doi.org/10.2747/1060-586X.28.3.319.

Chua, Y. P. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan, buku 1. McGraw Hill Education.

Code, L. (1991). What can she know?: Feminist theory and the construction of knowledge. Cornell University Press.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). Research methods in education (8th ed.). Routledge (Taylor and Francis Group).

Creswell, J.W., & Creswell, J.D. (2022). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (6th ed.). Sage Publishing.

Cronbach, L. J. (1946). Response sets and test validity. Educational and Psychological Measurement, 6(4), 475-494. https://doi.org/10.1177/001316444600600405.

D'hondt, F., Maene, C., Vervaet, R., Van Houtte, M., & Stevens, P. A. (2021). Ethnic discrimination in secondary education: Does the solution lie in multicultural education and the ethnic school composition?. Social Psychology of Education, 24(5), 1231-1258. https://doi.org/10.1007/s11218-021-09651-w.

Darling-Hammond, L., LaPointe, M., Meyerson, D., & Orr, M.T. (2007). Preparing school leaders for a changing world: Lessons from exemplary leadership development programs.

Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian (Ed. ke-2). University of Malaya Press.

Daud, Y., & Don, Y. (2012). Budaya sekolah, kepemimpinan transformasional dan pencapaian akademik pelajar. Malaysian Journal of Learning and Instruction, 9, 111–139. https://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli/article/view/7639

De La Garza, A.T., & Ono, K.A. (2016). Critical race theory. In Jensen, K.B. & Craig, R.T. (Eds.), The international encyclopedia of communication theory and philosophy. John Wiley and Sons, Inc.

de Melendez, W.R., & Beck, V. (2018). Teaching young children in multicultural classrooms: Issues, concepts and strategies (5th ed.). Cengage Learning, Inc.

Delgato, R. & Stefancic, J. (2012). Critical race theory: An introduction. New York University Press.

Dogan, U. (2015). Student engagement, academic self-efficacy, and academic motivation as predictors of academic performance. The Anthropologist, 20(3), 553-561. http://dx.doi.org/10.1080/09720073.2015.11891759.

Doganay, Y., & Yergaliyeva, A.M. (2013). The impact of cultural based activities in foreign language teaching at intermediate (B1) level. Procedia-Behavioral Sciences, 89, 111-139. http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.08.924.

Dursunoğlu, İ., & Şegün, H. (2020). Multiculturalism. In Kirkkilic. A., Başar, E.E. & Soylemez, Y. (Eds). Selected studies on social sciences, pp. 111-119. Cambridge Scholars Publishing.

Easterbrook, M. J., & Hadden, I. R. (2021). Tackling educational inequalities with social psychology: Identities, contexts, and interventions. Social Issues and Policy Review, 15(1), 180–236. https://doi.org/10.1111/sipr.12070.

Endraswara, S. (2006). Metodologi penelitian kebudayaan. Gadjah Mada University Press.

Fowler Jr., F.J. (2013). Survey research methods (5th ed.). Sage Publications.

Franklin, E.M. (2016). Stakeholders perceptions and practice of culturally responsive pedagogy in a private school (Publication No. 10181201). [Doctoral dissertation, Lindenwood University]. Lindenwood University ProQuest Dissertations Publishing.

Gaertner, S. L., & Dovidio, J. F. (2000). Reducing intergroup bias: The common ingroup identity model. Psychology Press.

Gambrell, J.A. (2017). Is culturally responsive pedagogy enough? Toward culturally "real"-evant curriculum (EJ1140122). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=EJ1140 122.

Gates, K.D. (2006). Multicultural education in public schools (Publication No.: AAT 3218978). [Doctoral dissertation, University of Denver]. Digital Dissertations, UMI Proquest.

Gay, G. (2018). Culturally responsive teaching: Theory, research and practice (3rd ed.)

Ghahraman, V., & Tamimy, M. (2017). The role of culture in cooperative learning. International Journal of Language Studies, 11(2), 89-120.

Grant, C., & Osanloo, A. (2014). Understanding, selecting, and integrating a theoretical framework in dissertation research: creating the blueprint for your “house”. Admininstrative Issue Journal: Connecting Education, Practice, and Research, 4(2), 12-26. DOI: 10.5929/2014.4.2.9

Green, S. B., Akey, T. M., Fleming, K. K., Hershberger, S. L., & Marquis, J. G. (1997). Effect of the number of scale points on chi-square fit indices in confirmatory factor analysis. Structural Equation Modeling: A Multidisciplinary Journal, 4(2), 108-120. https://doi.org/10.1080/10705519709540064.

Guan, L.H. (2000). Ethnic relations in Peninsular Malaysia: The cultural and economic dimension. Social and Cultural Issues. No. 1, August 2000, Institute of Southeast Asian Studies.

Hair, J.F., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Black, W.C. (2018). Multivariate data analysis (8th ed.). Cengage Learning, Inc.

Hartlep, N.D. (2009). Critical race theory: An examination of the past, present and present implication (ED506735). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=ED506735.

Harun, M.M., Omar, M.R., & Zakaria, A.N. (2011, November). Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar [Sesi seminar]. Seminar Hal Ehwal Pelajar Peringkat Kebangsaan, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Hashim, S., Mohamad, M.M., & Wan Muda, W.H.N. (2018, February 23). Knowledge construction models: A view of various models for an impeccable learning environment. MATEC Web of Conferences, Malaysia Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCET 2017), 150, 05013. https://doi.org/10.1051/matecconf/201815005013.

Haycock, K. (2001). Closing the achievement gap (EJ626267). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=EJ626267.

Helmer, J. (2007). Factors influencing the referral of English language learners within an international elementary school: A mixed methods approach (Publication No. 3263073). [Doctoral dissertation, University of Minnesota]. ProQuest Dissertation Publishing.

Holland, P.W., & Wainer, H. (1993). Differential item functioning. Routledge (Taylor and Francis Group).

Husain, W.A.F.W. (2020, Julai 21). Wujud suruhanjaya pastikan teras Perlembagaan dipatuhi. Berita Harian. https://www.researchgate.net/publication/351256188_Wujud_suruhanjaya_pastikan_teras_Perlembagaan_dipatuhi.

Husin, N.A.N., & Dawi, A.H. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antarakaum dalam kalangan pelajar. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 12, 18-28. https://doi.org/10.37134/bitara.vol12.3.2019.

Hussein, H.H., & Abdullah, M.S. (2018). Keberkesanan rancangan integrasi muriduntuk perpaduan (rimup) dalam memupuk kesepaduan sosial. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, 28, 33-50. https://doi.org/10.51200/manu.v28i.1581.

Irvine, J., Armento, B., Causey, G., Jones, J., Frasher, R., & Weinburg, M. (2001). Culturally responsive teaching: lesson planning for elementary and middle grades. McGraw-Hill Education.

Ismail, M., Khatibi, A., & Azam, S.M.F. (2022). Impact of school culture on school effectiveness in government schools in Maldives. Participatory Educational Research, 9(2), 261-279. https://doi.org/10.17275/per.22.39.9.2.

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. (2022, September 9). Data Murid. Kementerian Pendidikan: Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. https://jpnns.moe.gov.my/tu-statistik/permohonan-data1.

JZ Nun Ramlan, N.F., & Maarof, N. (2014). Multicultural education: The influence of cultural diversity on second language acquisition. International Journal of English and Education, 3(4), 284-394. https://www.academia.edu/11246250/Multicultural_Education_The_Influence_of_Cultural_Diversity_on

Karacabey, M. F., Ozdere, M., & Bozkus, K. (2019). The attitudes of teachers towards multicultural education. European Journal of Educational Research, 8(1), 383-393. http://dx.doi.org/10.12973/eu-jer.8.1.383.

Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM (2021). Laporan tahunan 2020 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidkan prasekolah hingga lepas menengah). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM. (2021). Perangkaan pendidikan Malaysia 2021. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara, KPN. (2021). Dasar Perpaduan Negara. Kementerian Perpaduan Negara.

Kohl, H.R. (1995). I won’t learn from you: And other thoughts on creative maladjustment. The New Press.

Konting, M. M. (2004). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konting, M.M. (1990). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konting, M.M. (1998). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3), 607-610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308.

Kroeber, A.L., & Kluckhohn, C. (1952). Culture: A critical review of concepts and definitions. Peabody Museum of Archaeology and Ethnology.

Lai, C. K., Hoffman, K. M., & Nosek, B. A. (2013). Reducing implicit prejudice. Social and Personality Psychology Compass, 7(5), 315-330. https://doi.org/10.1111/ spc3.12023.

Lal, D. (2016). A journey of teacher education.... International Journal of Peace, Education and Development, 4(1), 9-17. DOI: 10.5958/2454-9525.2016.0000 2.0

Landa, M.S. & Stephens, G. (2017). Promoting cultural competence in preservice teacher education through children's literature: An exemplary case study (EJ1139347). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=EJ1139347.

Landson-Billings, G. (2021). Culturally relevant pedagogy: Asking different question (culturally sustaining pedagogies series). Teachers College Press.

Ledesma, M. C., & Calderón, D. (2015). Critical race theory in education: A review of past literature and a look to the future. Qualitative Inquiry, 21(3), 206-222. https://doi.org/10.1177/1077800414557825.

Lim, S.H., & Singh, G.S.B. (2020). The Influence of instructional leadership on learning organisation at high performing primary schools in Malaysia. Asian Journal of University Education, 16(2), 69-76. https://doi.org/10.24191/ ajue.v16i2.10298.

Little, W. (2016). Introduction to Sociology (2nd Canadian ed.). BCcampus Open Education.

Lunenberg, M., Dengerink, J., & Korthagen, F. (2014). The professional teacher educator: Roles, behaviour, and professional development of teacher educators. Springer Nature.

Maaruf, S.Z., & Siraj, Saedah. (2011, Disember 5-6). Pedagogi responsif budaya satu dimensi pendidikan global [Sesi persidangan]. 1st International Conference on World-Class Education, Universiti Malaya, Malaysia.

Makki, M. H., Abd-El-Khalick, F., & Boujaoude, S. (2003). Lebanese secondary school students' environmental knowledge and attitudes. Environmental Education Research, 9(1), 21-33. https://doi.org/10.1080/13504620303468.

Mao, H-Y., Chen, C-Y., & Hsieh, T-H. (2009). The relationship between bureaucracy and workplace friendship. Social Behaviour and Personality An International Journal, 37(2), 255-266. http://dx.doi.org/10.2224/sbp.2009.37.2.255.

Matiaki, V. (2017, October 30). The contribution of "mutual respect" relationships between educator and student in the emotional and cognitive autonomy of students. ResearchGate. https://www.researchgate.net/project/Mutual-respect-in-pedagogy.

Maulod, S. A., Piaw, C. Y., Alias, S., & Wei, L. M. (2017). Relationship between principals’ emotional intelligence and instructional leadership practices in Malaysian secondary schools. International Journal of Advanced and Applied Sciences, 4(3), 122-129. http://dx.doi.org/10.21833/ijaas.2017.03.019.

Mendible, M. (2000). Multiculturalism. In Pendergast, T. & Pendergast, S. (Eds.), St. James Encyclopedia of Popular Culture volume 3 (pp.439-444). St James Press.

Mills, G.E., & Jordan, A.W. (2022). Educational research: Competencies for analysis and application (12th ed.). Pearson.

Mitchell, M., & Jolley, J. (2004). Research design explained (5th ed.). Thompson Learning.

Muijs, D. (2022). Doing quantitative research in education with IBM SPSS Statistics (3rd ed.). Sage Publishing.

Nagaraj, S., Lee, K-H., Tey, N-P., Ng, C-W., & Pala, J. (2009). Counting ethnicity in Malaysia: The complexity of measuring diversity. Malaysian Journal of Economic Studies, 46 (1): 5-32. http://dx.doi.org/10.1007/978-3-319-20095-8_8.

Naibei, P. (2014, March 27-28). Culture and sustainable development [Conference session]. International Conference on Culture and Sustainability, Belgrade, Serbia. https://www.researchgate.net/publication/266377976_CULTURE_ AND_SUSTAINABLE_DEVELOPMENT.

Nakamura, R. (2015) "Race or ethnic group?" Politics of race in Malaysia. Sociology and Anthropology, 3 (8), pp. 389-398. http://doi.org/10.13189/sa.2015.030803.

Nelson, T.D. (2016). Handbook of prejudice, stereotyping, and discrimination (2nd ed.). Psychology Press.

Neuman, W.L. (2021). Social research methods: Qualitative and quantitative approaches (8th ed.). Pearson.

Ngah, K., & Akhir, R.M. (1990). Kaedah penyelidikan: Panduan mudah kerja luar. Fajar Bakti.

Nieto, S., & Bode, P. (2018). Affirming diversity: The sociopolitical context of multicultural education (7th ed.). Pearson Education Canada.

Nigutova, S. (2018). Knowledge construction in multicultural reading projects (Publication No. 27126). [Bachelor thesis, University of Gävle]. Digitala Vetenskapliga Arkivet.

Noor, R.M. (2005). Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelajar di Negeri Sembilan. [Disertasi kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Nordin, A.B. (1987). Developing a scale in effective domain: A procedural model. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nordin, A.B. (1995). Penilaian afektif. MASA Enterprise.

Norušis, M.J. (1997). SPSS Professional Statistics 7.5. SPSS Incorporated.
Nunnally, J.C. (1979). Psychometric theory. In Youngman, M.B. & Eggleston, J.F. (Eds), Constructing test and scale: Guides in educational research. University of Nottingham, School of Education.
O'Grady, E., Hinchion, C., & McNamara, P.M. (2011). The importance of respect in teaching and learning: Perspectives of final year pre-service teachers in a regional university in Ireland. European Journal of Teacher Education, 34(4), 501-518. http://dx.doi.org/10.1080/02619768.2011.592978.
Ogbu, J.U. (2003). Black American students in an affluent suburb: A study of academic disengagement. Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
Oliveri, S., Lanzoni, L., Petrocchi, S., Janssens, R., Schoefs, E., Huys, I., Smith, M.Y., Smith, I.P., Veldwijk, J., de Wit, G.A., & Pravettoni, G. (2021). Opportunities and challenges of web-based and remotely administered surveys for patient preference studies in a vulnerable population. Patient Preference and Adherence, 15, 2509–2517. https://doi.org/10.2147/PPA.S327006.
Omar, N., Noh, M.A.C., Hamzah, M.I., & Majid, L.A. (2015). Multicultural education practice in Malaysia. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 174, 1942-1948. http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.859.
Oxford University Press. (2022). Multiculture. In Oxford Reference. Diperoleh 2022, Disember 19. https://www.oxfordreference.com/display/10.1093/oi/authority. 20110810105436897;jsessionid=5D1143A29AFA27ABF12CF0670BF9CD2D
Pallant, J. (2020). SPSS survival manual- A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (7th ed.). Routledge (Taylor and Francis Group). https://doi.org/10.4324/9781003117452.
Parker, C.A., & Bickmore, K. (2012). Conflict management and dialogue with diverse students: Novice teachers' approaches and concerns. Journal of Teaching and Learning, 8(2), 47-64. http://dx.doi.org/10.22329/jtl.v8i2.3313.
Pedrotti, J.T., & Edwards, L. M. (2014). Perspectives on the intersection of multiculturalism and positive psychology. Springer Science + Business Media. https://doi.org/10.1007/978-94-017-8654-6.
Polat, S. (2012). Okul müdürlerinin çokkültürlülüğe ilişkin tutumları [Attitudes of school principals towards multiculturalism]. Hacettepe University Journal of Education, 43, 334 – 343. http://efdergi.hacettepe.edu.tr/yonetim/icerik/ makaleler/334-published.pdf.
Ponto, J. (2015). Understanding and evaluating survey research. Journal of the Advanced Practitioner in Oncology, 6(2), 168-171. https://www.ncbi.nlm.nih. gov/pmc/articles/PMC4601897/
Ramli, A.R. (2009). Hubungan kaum di Malaysia: Sejarah dan asas perpaduan. Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
Robson, K.L. (2019). Sociology of education in Canada.  Pearson Education Canada.
Sabira, P.E., & Pandin, M.G.R. (2021). The importance of multicultural education as a moral improvement of the nation. Preprints, 2021060300. http://dx.doi.org/10.20944/preprints202106.0300.v1.
Santos, R.V., Fry, P.H., Monteiro, S., Maio, M.C., Rodrigues, J.C., Bastos-Rodrigues, L., & Pena, S.D.J. (2009). Color, race, and genomic ancestry in Brazil. Current Anthropology, 50 (6), 787-819. https://www.jstor.org/stable/10.1086/644532.
Sekaran, U. (1992). Research methods for business: A skill-building approach. John Wiley & Sons, Inc.
Sleeter C. E. & Delgado, B.D. (2004). Critical pedagogy, critical race theory, and antiracist education: Implications for multicultural education. In Banks J. A., Banks C. M. (Eds.), Handbook of research in multicultural education, pp. 240-258. Jossey-Bass Professional Learning.
Stephan, W.G., & Vogt, W.P. (2004). Education programs for improving intergroup relations: Theory, practice and research. Teachers College Press.
Stevens, J. (1986). Applied multivariate statistics for the social sciences. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
Su, C. (2007). Cracking silent codes: Critical race theory and education organizing. Discourse: studies in the cultural politics of education, 28(4), 531-548. https://doi.org/10.1080/01596300701625297.
Sulistiyo, A., & Indartono, S. (2019). The implementation of multicultural education of sosial studies in Indonesia. International Journal of Management and Humanities, 3(12), 34-38. DOI: 10.35940/ijmh.L0335.0831219.
Suri, D. & Chandra, D. (2021). Teacher's strategy for implementing multiculturalism education based on local cultural values and character building for early childhood education. Journal of Ethnic and Cultural Studies, 8(4), 271-285. https://doi.org/10.29333/ejecs/937.
Suyemoto, K.L., Hochman, A.L., Donovan, R.A., & Roemer, L. (2020). Becoming and fostering allies and accomplices through authentic relationships: choosing justice over comfort. Research in Human Development, 18 (1-2), 1-28. https://doi.org/10.1080/15427609.2020.1825905.
Tatum, B.D. (2017). Why are all the black kids sitting together in the cafeteria?: And other conversations about race. Basic Books.
The Organization for Economic Cooperation and Development, OECD. 2012. Equity and quality in education: Supporting disadvantaged students and schools. OECD Publishing.

Töre, E. (2020). Examining teachers' attitudes towards multiculturalism according to various variables. International Online Journal of Educational Sciences 12(1):228-246. http://dx.doi.org/10.15345/iojes.2020.01.014.

Tropp, L.R., White, F., Rucinski, C.L., & Tredoux, C. (2022). Intergroup contact and prejudice reduction: Prospects and challenges in changing youth attitudes. Review of General Psychology, 26(3), 342-360. https://doi.org/10.1177/ 10892680211046517.

Tuckman, B. C. (1978). Conducting educational research. Harcourt Brace Jovanovich.

Tunku Moktar, T.M. (2010, November 8-10). Raising teacher consciousness of cultural sensitivities in the classroom [Conference session]. The 4th International Conference on Teacher Education, Bandung, Indonesia. http://file.upi.edu/direktori/proceeding/upi-upsi/2010/book_3/raising_teacher_consciousness_of_cultural_sensitivities_in_the_classroom.pdf.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, UNESCO. (2016). Culture, urban, future summary: Global report on culture for sustainable urban development. UNESCO.

United Nations Environment Program, UNEP. (2016). Frontiers 2016: Emerging issues of environmental concern. UNEP.

Vellymalay, S.K.N. (2014). Etnisiti dan interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. Journal of Human Capital Development, 7(2), 47-61. https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/2125

Villegas, A. (2019). Multicultural education implemented in elementary schools (Publication No. 445). [Master’s thesis, California State University]. Capstone Projects and Master's Theses.

von Rütte. (2022). Citizenship and nationality: Terms, concepts and rights. In The human right to citizenship, pp. 11-57. Brill. https://doi.org/10.1163/ 9789004517523_003.

Wahab, N. A., Nathan, P., Hasnida, N., Ghazali, C. M., Rabi, N. M., & Dawi, A. H. (2018). Teachers’ perspective on cultural diversity in school: A case studies. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 7(3), 497–506. http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v7-i3/4568.

Wahab, N.A. (2014). Pendidikan murid orang asli: Satu analisis matlamat, pelaksanaan dan hasil pendidikan [No. penerbitan DF 404]. [Disertasi kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Malaysian Education Research Repository.

Watkins, M., & Noble, G. (2008). Cultural practices and learning: Diversity, discipline and dispositions in schooling. University of Western Sydney.

Wiersma, W., & Jurs, S.C. (2008). Research methods in education: An introduction (9th ed.). Pearson.

Wing, A.K. (2016). Is there a future for critical race theory? Journal of Legal Education, 66 (1), 44–54. https://ssrn.com/abstract=3430427.

Wojton, H., Snavely, J., & Mary, J. (2016). Introduction to survey design. Institute for Defence Analyses. https://www.jstor.org/stable/resrep22713.

Yong, H.H., Ku Samsu, K.H., Adnan, Z.H., Awang, M.D., & Halim, A.A. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. Akademika, 88(2), 95-108. https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-07.

Yusof, N.M. (2008). Multicultural education: Managing diversity in Malaysian schools. Malaysian Education Deans Council Journal, 2(7). https://docplayer.net/58751681-Multicultural-education-managing-diversity-in-malaysian-schools-najeemah-mohd-yusof-school-of-educational-studies-universiti-sains-malaysia.html.

Yusof, N.M., Abdullah, A.M., & Ahmad, N. (2015). Multicultural practices in Malaysian preschools with multiethnic or monoethnic environment. International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding, 1(1), 12-23. http://dx.doi.org/10.18415/ijmmu.v1i1.7.

Yusuf, Q., Marimuthu, S., & Yusuf, Y.Q. (2018). Multicultural awareness and practices among Malaysian primary school teachers. Al-Ta’lim Journal, 25(2), 97-107. http://dx.doi.org/10.15548/jt.v25i2.446.

Zirkel, S. (2008). The influence of multicultural educational practices on student oucomes and intergroup relations (EJ825705). ERIC. https://eric.ed.gov/?id=EJ825705.